

## **BAB KELIMA**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Penyebutan Huruf al-Qur'an al-Karim dalam kalangan saudara baru adalah merupakan satu kajian yang unggul. Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa unsur penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim memainkan peranan penting dalam pengajian al-Qur'an al-Karim. Tidak dinafikan kesukaran sebutan huruf al-Qur'an al-Karim bagi penutur selain Arab ada dibincangkan secara amnya iaitu disebabkan makhraj dan sifat-sifat huruf.

Namun realitinya, kesukaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim timbul dari pelbagai aspek selain dari sudut makhraj dan sifat-sifat huruf. Aspek-aspek lain juga turut menyumbang ke arah kesempurnaan dan kelancaran sebutan.

Jika didasarkan kepada pengamatan teori semata-mata, kesukaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim dapat diatasi dengan mudah, terutamanya saudara baru yang mempunyai latar belakang berpendidikan. Hal ini menunjukkan teori semata-mata tidak cukup jika tidak disertakan dengan praktikal.

Malah pada sesetengah keadaan teori tidak dapat di guna pakai bahkan ianya sebagai pembuka jalan sahaja. Namun adat belajar memerlukan teori atau kaedah khusus bagi memudahkan P&P. Adalah tidak menjadi kesalahan sekiranya teori yang digunakan tidak mendatangkan hasil, maka dibolehkan melakukan sesuatu yang

membentuk P&P selagi mana ianya tidak bercanggah dengan P&P dan berpusatkan P&P.

Amat ketara sekali dari kajian ini bahawa aspek latih tubi dan pengecaman amat mempengaruhi pelajar dan ianya membantu ke arah kemajuan P&P.

## **5.1 Rumusan**

Hasil dari dapatan kajian dalam bab kedua, ketiga dan keempat, rumusan bagi keseluruhan kajian dapat dihasilkan. Kesemua hasil kajian dari setiap sudut telah dirangkulkan dan dapat merealisasikan objektif kajian ini.

Kajian ini menemui fakta bahawa saudara baru yang mengikuti kelas-kelas pengajian di PERKIM menghadapi masalah yang besar dalam kefasihan membaca al-Qur'an al-Karim, terutamanya penyebutan makhraj huruf. Kebanyakan pelajar mendapat kemahiran yang rendah di dalam sebutan huruf-huruf dengan makhraj yang betul. Ini bermakna secara keseluruhan, pencapaian atau penguasaan kemahiran para pelajar kurang memuaskan disebabkan beberapa faktor yang telah dinyatakan lalu seperti

Di samping itu juga ketidaktepatan sebutan huruf telah menyebabkan saudara baru ketinggalan dalam matapelajaran bacaan al-Qur'an al-Karim. Kesannya mereka mendapat penghayatan Islam dan al-Qur'an al-Karim secara tidak langsung tanpa mengambil kira kefasihan dan ketepatan sebutan oleh para guru terhadap mereka.

Merujuk kepada perincian faktor-faktor yang dihadapi oleh mereka, dapat dirumuskan beberapa aspek:

1. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim mempunyai dua dimensi iaitu umum dan khusus.
2. Menurut dimensi atau pengertian umum, permasalahan penyebutan jelas berpunca daripada gangguan bahasa ibunda. Manakala dimensi atau pengertian khusus adalah jelas berpunca tidak menepati makhraj dan sifat-sifat huruf.
3. Selain daripada gangguan bahasa ibunda, makhraj huruf dan sifat-sifat huruf, didapati aspek-aspek lain juga turut menjadi penyebab kepada kesukaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim bagi saudara baru. Namun begitu penulis tidak meletakkan aspek-aspek lain sebagai faktor utama bahkan ianya dijadikan sebagai faktor penyokong dalam menguatkan lagi bukti permasalahan yang dihadapi oleh mereka.
4. Perbezaan sebutan di kalangan responden jelas kelihatan di mana aspek fonetik memainkan peranan khusus dalam menyempurnakan keadaan di samping aspek fonologi.
5. Antara faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim di kalangan saudara baru ialah gangguan bahasa ibunda, perbezaan irama dan intonasi, perbezaan dialek Arab, penggunaan penyebutan tidak menepati

makhraj, penyebutan tidak menepati sifat-sifat huruf, kemahiran mengingat dan menyebut hukum-hukum tajwid, kemahiran fasahah

6. Antara faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya kesukaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim ialah dari sudut makhraj dan sifat-sifat huruf, gangguan bahasa ibunda, dan lain-lain.
7. Terdapat kesan positif dan negatif daripada penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim disebabkan kekeliruan yang timbul dalam menguasai huruf dan ketepatan sebutan.
8. Hasil dapatan kajian tentang penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim telah diperolehi dari ujian tahap 1 mengenai penyebutan huruf, ujian tahap 2 mengenai mengingat dan menyebut hukum-hukum tajwid dan ujian tahap 3 adalah mengenai fasahah. Ketiga-tiga ujian ini, didapati ada di antara teori-teori yang digunakan mencapai objektif di mana saudara baru dapat menyempurnakan sebutan huruf mengikut makhraj dan sifat-sifatnya walaupun tidak sempurna.
9. Kaedah P&P turut membantu ke arah sebutan yang lebih baik seperti kaedah talaqqi musyafahah digunakan dalam penyebutan huruf, kaedah Iqra' digunakan dalam menyebut dan membaca al-Qur'an al-Karim dan kaedah latih tubi. Semua kaedah ini sedikit sebanyak menyumbang ke arah kesempurnaan sebutan huruf al-Qur'an al-Karim.
10. Mengetahui kedudukan makhraj dan sifat-sifat huruf adalah penting sebagai penentu kepada penyebutan huruf yang lebih betul.

11. Kegagalan mengetahui kedudukan huruf al-Qur'an al-Karim pada lokasinya akan menimbulkan masalah. Begitu juga kegagalan dapat mengetahui sifat-sifat huruf turut mendorong ke arah timbulnya masalah dan kesukaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim. Kedua-dua perkara ini merupakan akar dan menjadi pengukur kepada sebutan sama ada positif atau negatif.

## **5.2 Cadangan**

Berdasarkan dapatan kajian, penulis dengan ini mengutarakan beberapa cadangan yang mungkin dapat direalisasi bagi mencapai kecemerlangan kefasihan sebutan huruf di dalam tilawah al-Qur'an al-Karim. Berikut beberapa cadangan yang boleh dilihat:

1. Pihak berwajib disarankan supaya menyelaraskan sukatan pelajaran yang di ajar oleh guru di kelas-kelas PERKIM seluruh Malaysia. Perlu dikukuhkan aspek-aspek kemahiran tilawah al-Qur'an al-Karim seragam di semua institut PERKIM dengan mengkhususkan guru-guru di dalam pengkhususan tersebut mahir mengendalikan pelajaran dengan baik.
2. Jika institusi PERKIM menggunakan kaedah Iqra' maka PERKIM negeri-negeri lain turut menggunakan kaedah yang sama. Ini dapat memantapkan lagi pembelajaran dan pengajaran berdasarkan modul terancang. Hasilnya saudara baru dapat mengikuti kelas dengan baik dan maju dalam pembelajaran.

3. Usaha sama pihak berwajib PERKIM setiap negeri perlu dijalinan bagi membantu negeri yang menghadapi kekurangan BBM terkini atau menghadapi kekurangan guru mahir dan sebagainya. Keadaan ini akan membuka minda pengajar dan pelajar dan pelajaran akan menjadi lebih baik dan berkesan hasil dari pertukaran idea antara PERKIM negeri.
4. Aspek makhraj huruf perlulah menjadi aspek utama dalam proses pengajaran al-Qur'an al-Karim. Penulis berpendapat kebanyakan pengajar mengambil remeh dengan aspek ini kerana bagi mereka saudara baru hanya perlu tahu sedikit sebanyak sahaja supaya mereka tidak mengatakan Islam itu susah. Konsep ini menyalahi etika pengajaran berkesan, akhirnya mereka mengatakan Islam boleh dibuat sambil lewa padahal sebenarnya Islam itu luas, padat dan tepat.
5. Guru yang mengajar al-Qur'an al-Karim perlu perkenalkan huruf, makhraj huruf dan sifat-sifat huruf al-Qur'an al-Karim kepada pelajar. Lebih jelas lagi jika disertai dengan lakaran organ pertuturan manusia. Ini akan lebih mudah dan lebih jelas pelajar menyebut huruf kerana mereka menyebut berpandukan lakaran guru.
6. Kaedah latih tubi yang digunakan oleh pengajar semasa menyebut huruf merupakan faktor positif ke arah penyelesaian masalah penyebutan huruf. Ini kerana sesuatu huruf apabila diulang berulang kali akan melancarkan sebutan huruf al-Qur'an al-Karim.
7. Tenaga pengajar disarankan supaya banyak memberi contoh kepada pelajar supaya mereka mudah ingat dan faham konsep sebenar penyebutan huruf al-

Qur'an al-Karim. Contohnya, untuk sebutan huruf la:m ( ل ) guru perlu pameran gambar lampu. Pelajar lebih mudah menyebut huruf la:m kerana suku kata pertama dari perkataan lampu ialah “ lam”. Begitu seterusnya dengan huruf-huruf lain.

8. Pelajar digalakkan menyebut huruf-huruf mudah dahulu seperti huruf ba:' ( ب ), ta:'( ت ) dan seterusnya diikuti dengan huruf sukar seperti huruf da:d ( ض ). Ini penting kerana akan tergambar di fikiran mereka bahawa sebutan bunyi huruf al-Qur'an al-Karim mudah dan menarik. Sebaliknya berlaku jika diajar bunyi sebutan yang sukar.
9. Berhubung dengan masalah hukum tajwid, ia akan tercapai dan lebih baik jika setiap individu tidak menghadapi masalah di dalam sebutan huruf. Keutamaan kepada hukum-hukum tajwid juga perlu diambil berat kerana ianya merupakan aset al-Qur'an al-Karim yang perlu diketahui oleh setiap individu yang mempelajari al-Qur'an al-Karim.
10. Pihak yang terlibat juga disarankan menjana idea yang relevan dan pendekatan yang sesuai supaya dapat menyemai dan memajukan minat pelajar terhadap mata pelajaran ini. Ini adalah kerana kajian menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap pelajaran tersebut begitu mempengaruhi pelajar dalam pencapaian pembacaan al-Qur'an al-Karim.

11. Sehubungan dengan itu juga sikap dan disiplin diri serta adab sopan menuntut ilmu perlu dilaksanakan kerana ini juga merupakan kesan positif terhadap kemahiran tilawah.

12. Kementerian Pendidikan perlu mendedahkan kegiatan ko-kurikulum di dalam kelas pengajian saudara baru, walaupun mereka warga tua tetapi usaha ini baik untuk pengukuhan pembelajaran.

Seperti yang dibuat oleh pihak PERKIM Seberang Perai Utara iaitu mengadakan Kursus dan Seminar Kerjasama antara PERKIM negeri Pulau Pinang dan JAKIM iaitu Seminar Konsep Pembangunan Keluarga Islam Saudara Baru pada 16 Mei 2006 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Pulau Pinang.

Dalam kursus itu mereka didedahkan pelbagai bentuk pengajaran dan pembelajaran, latihan dalam kumpulan (LDK) dan lain-lain lagi. Malahan memberi input kepada pelajar bahawa untuk memahirkan diri bukanlah terletak kepada pengajaran semata-mata tetapi melibatkan pengajaran dan pembelajaran.

13. Perlu wujudkan pengajian khusus untuk pelajar bukan Arab di semua peringkat pengajian bagi melahirkan celik huruf

### **5.3 Kesimpulan**

Hasil kajian mendapati bahawa punca masalah yang dihadapi oleh saudara baru dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim ialah dari aspek makhraj huruf dan sifat

huruf. Responden mengalami masalah tidak dapat menyebut bunyi huruf hijaiyyah dengan betul dan tepat sepertimana kedudukan huruf yang terdapat di dalam organ pertuturan manusia. Justeru itu, kemahiran dan kebijaksanaan guru dalam P&P akan dapat menyumbang ke arah menyelesaikan masalah penyebutan huruf yang dihadapi.